

Khidmat kereta api laju KL-Ipoh singgah 5 stesen

IPOH: Perkhidmatan kereta api laju Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTMB) antara Kuala Lumpur dan Ipoh yang menggunakan landasan berkembar akan mula beroperasi awal tahun depan dengan tempoh perjalanan dua jam 15 minit.

Perkhidmatan kereta api elektrik itu akan bermula dari KL Sentral dan singgah stesen Rawang, Tanjung Malim, Tapah Road, Kampar dan Batu Gajah.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy berkata perjalanan dua jam 15 minit itu termasuk masa perhentian singkat di lima stesen berkenaan dan menyediakan lapan perjalanan ulang-alik sehari.

"Perkhidmatan itu menggunakan enam koc baru buatan Jepun dan Korea yang akan tiba

tidak lama lagi," katanya selepas meninjau projek landasan berkembar elektrik Rawang-Ipoh, di sini semalam.

Hadir sama Pengerusi KTMB, Tan Sri Lim Ah Lek dan Pengerah Urusannya, Datuk Mohd Salleh Abdullah.

Chan bagaimanapun berkata, kementerian masih mengkaji kadar tambang yang sesuai dan tidak menafikan tambangnya agak mahal berbanding kereta api biasa.

"Kita jangkakan tambang RM35 untuk Kelas Pertama dan RM25 Kelas Kedua, tetapi ini hanya jangkaan saja. Ia agak mahal sedikit kerana perkhidmatan dikategorikan sebagai 'Premier Train', dan tambangnya bersesuaian dengan mutu perkhidmatan yang akan diberikan," katanya.